



UITM HARI INI DALAM SEJARAH

1 DISEMBER 1965

PELANTIKAN ENCIK ARSHAD AYUB SEBAGAI PENGETUA MAKTAB MARA KE-7

Pada 1 Disember 1965, Encik Arshad Ayub yang merupakan seorang ahli ekonomi telah dipinjamkan oleh MARA dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk dilantik sebagai Pengetua Maktab MARA ke-7 menggantikan Encik Basha Merican yang telah meletakkan jawatannya sebagai Pemangku Pengetua Maktab MARA pada 30 September 1965. Semasa menjadi Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM), Encik Arshad Ayub membentuk dan memupuk ITM dengan penuh ketegasan dan kebijaksanaan. Hasilnya dalam jangkamasa hampir lapan tahun beliau telah berjaya menambahkan bilangan pelajar daripada seramai 154 orang kepada 8,000 pelajar dengan mengikuti lebih daripada 60 bidang kursus. Ini adalah satu pencapaian yang menakjubkan dan dalam masa yang sama beliau bekerja keras untuk meninggikan imej lulusan ITM.



Encik Arshad Ayub, Pengetua Maktab MARA ke-7

Sumber:

- ITM Warisan Bangsa
- Documenting A Destiny (1956-2006)
- A Second Chance – Life and Mission of Arshad Ayub